

22.4.2025  
Siaran Media

**DATO' IR. PATHMANATHAN K.**  
CEO, PBAPP dan PBAHB.

**PERINGATAN: SILA SIMPAN BEKALAN AIR UNTUK KEGUNAAN SELAMA 24, 48 ATAU 60 JAM SEMASA SWSI PADA 25.4.2025.**

PULAU PNANG, Selasa, 22.4.2025: Pengguna air di Pulau Pinang yang akan terjejas akibat Gangguan Bekalan Air Berjadual (SWSI) bermula Jumaat ini (25.4.2025) diingatkan untuk menyimpan bekalan air secukupnya bagi kegunaan selama 24, 48 atau 60 jam.

SWSI akan bermula pada jam 10.00 malam, Jumaat, 25.4.2025.

Menurut statistik PBAPP, seramai 341,708 pengguna air di kawasan perkhidmatan Loji Rawatan Air Sungai Dua akan terjejas pada tahap yang berbeza-beza sepanjang SWSI:

Bil. pengguna	Daerah/Kawasan	Tempoh Jangkaan
136,683 pengguna (40%)	Semua kawasan yang terjejas di Seberang Perai Utara (SPU), Seberang Perai Tengah (SPT) dan Daerah Timur Laut (DTL) di bahagian pulau.	24 jam: 10.00 malam, Jumaat, 25.4.2025 – 10.00 malam, Sabtu, 26.4.2025
163,502 pengguna (48%)	Seberang Perai Selatan (SPS): Semua Kawasan yang terjejas kecuali Kampung Sungai Baong, Kampung Wellesley, Taman Seruling Emas, Taman Widuri, Sungai Duri dan Kompleks Kuarters Penjara Seberang Perai.	48 jam: 10.00 malam, Jumaat, 25.4.2025 – 10.00 malam, Ahad, 27.4.2025
	Daerah Barat Daya (DBD) di bahagian pulau: Semua Kawasan yang terjejas kecuali Balik Pulau (kejiranan di bahagian selatan), Gertak Sanggul, Kampung Terang, Pulau Betong and Sungai Ara.	48 jam: 10.00 malam, Jumaat, 25.4.2025 – 10.00 malam, Ahad, 27.4.2025
41,523 pengguna (12%)	Kejiranan hujung paip agihan (HPA) dan kawasan tinggi seperti yang dinyatakan di atas di SPS dan DBD.	60 jam: 10.00 malam, Jumaat, 25.4.2025 – 10.00 pagi, Isnin, 28.4.2025
<b>Untuk butiran lebih terperinci kawasan dan peta yang terjejas, sila lawati <a href="http://www.pba.com.my">www.pba.com.my</a>.</b>		

## **SWSI perlu untuk kerja-kerja air segera dan penting PBAPP**

25.4.2025 itu diperlukan bagi membolehkan kerja serentak 23 projek segera dan penting di seluruh negeri bagi menambah baik perkhidmatan bekalan air kepada kira-kira 465,000 pengguna air di kawasan perkhidmatan LRA Sungai Dua.

LRA Sungai Dua, LRA terbesar dan terpenting di Pulau Pinang, akan dihenti tugas sebahagian bermula jam 10.00 malam pada 25.4.2025. Henti tugas ini perlu untuk menjalankan kerja-kerja untuk 5 projek kerja air utama berikut:

1. Pembaikan saluran paip 700mm bocor dan 6 kerja naik taraf rumah pam di Loji Rawatan Air (LRA) Sungai Dua di SPU;
2. Penggantian injap 1.2m yang rosak di saluran paip di Jalan Pengkalan Tambang, berhampiran LRA Sungai Dua;
3. Kerja-kerja penyambungan akhir untuk Saluran Paip Menyeberangi Sungai Perai 1.35m di SPT; dan
4. Pelencongan bahagian saluran paip 0.9m di Kompleks Majlis Sukan Negeri, Batu Uban, DBD; dan
5. 3 projek menaik taraf operasi pengepaman air terawat di Kompleks Kolam air dan Stesen Pam Bukit Dumbar di DTL.

Kerja-kerja fizikal bagi kesemua 23 projek dijadualkan siap sepenuhnya selewat-lewatnya jam 4.00 petang pada hari Sabtu, 26 April 2025. Pemulihan bekalan air akan dimulakan selepas semua projek menjalani ujian akhir dan pengoperasian, serta setelah LRA Sungai Dua memulakan semula operasi rawatan dan pengepaman air.

Proses pemulihan bekalan air akan berlaku secara berperingkat, disebabkan oleh perbezaan tempoh yang diambil untuk air terawat dari Sungai Dua sampai ke lokasi pengguna yang berbeza.

Secara umumnya, “pengguna di hulu” (yang terletak lebih dekat dengan Sungai Dua) akan menerima bekalan air mereka lebih dahulu daripada “pengguna hiliran” yang lebih jauh.

### **Manfaat utama**

Manfaat utama projek SWSI pada 25 April 2025 merangkumi peningkatan bekalan air, tekanan air yang lebih baik untuk pengguna dan pengurangan isu bekalan air tidak menentu di hujung paip agihan (HPA/EoL) dan kejiranan di kawasan tinggi dan pemulihan bekalan air yang lebih pantas selepas SWSI pada masa akan datang serta

semasa gangguan tidak berjadual (UWSI) akibat kejadian luar jangka.

Pada 2024, PBAPP membekalkan purata 1,021 juta liter sehari (JLH) air terawat daripada LRA Sungai Dua di seluruh negeri. PBAPP merancang untuk mengepam tambahan 50 JLH air terawat dari LRA Sungai Dua ke pulau, berikutan kerja-kerja air 25.4.2025.

### **Rancangan Bantuan Air SWSI**

Seperti yang diumumkan di bawah “Pelan Bantuan Bekalan Air” (WRP) SWSI, PBAPP akan menggerakkan 80 lori tangki air untuk mengisi dan mengisi semula 182 tangki yang akan ditempatkan di lokasi strategik di seluruh negeri. Pengguna air domestik yang terjejas oleh SWSI boleh mendapatkan air dari tangki air ini di kawasan kejiranan masing-masing.

**Untuk butiran penuh mengenai lokasi tangki air WRP, sila layari [www.pba.com.my](http://www.pba.com.my).**

Sekali lagi, bagi pihak PBAPP, saya ingin memohon maaf atas segala kesulitan yang akan timbul oleh SWSI yang bermula Jumaat ini. Bagaimanapun, saya percaya semua pengguna air yang terjejas akan menghargai hasil positif daripada 23 projek yang kami rancang untuk disiapkan dan guna mulai Mei 2025.

Terima kasih.

---

Dikeluarkan oleh : Syarifah Nasywa bt Syed Feisal Barakbah  
Seksyen Komunikasi Korporat  
Email : [comms@pba.com.my](mailto:comms@pba.com.my)